

**Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat KKMM Bilangan 4 Tahun 2015 – Isu Isu Baharu Daripada MBJ Kementerian**

**Tarikh Mesyuarat : 21 Disember 2015**

<b>Bil.</b>	<b>Usul / Cadangan</b>	<b>Maklumbalas</b>
<b>5.1.1</b>	<p><b>Penerapan Budaya Hidup Sihat di KKMM</b></p> <p>Wakil Pekerja KKMM mencadangkan agar pertandingan sukan seperti futsal, badminton, bola jaring dan sukan lain yang bersesuaian diadakan dari semasa ke semasa bagi memperkukuhkan budaya amalan hidup sihat dan cergas di samping mengukuhkan perpaduan dan semangat berpasukan warga KKMM</p>	<p>Mesyuarat bersetuju agar pelaksanaan program pertandingan sukan diadakan dengan kerjasama Kelab KKMM.</p>
<b>5.1.2</b>	<p><b>Persidangan / Perjumpaan antara Pengurusan Tertinggi dan Warga KKMM</b></p> <p>Wakil Pekerja KKMM mencadangkan agar KKMM mengadakan program perjumpaan Pengurusan Tertinggi KKMM dengan kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&amp;P) serta Pelaksana seperti Malam Gala KKMM atau Majlis Apresiasi KKMM bagi mengeratkan silaturahim dan memberi idea yang bernas bagi penambahbaikan.</p>	<p>Mesyuarat bersetuju agar Kelab KKMM mengadakan Malam Gala KKMM pada tahun 2016 dan Majlis Apresiasi bagi warga KKMM seperti Malam Apresiasi Merdeka yang telah diadakan saban tahun diteruskan bagi menghargai sumbangan dan kerjasama warga dalam menjayakan program-program utama Kementerian.</p>
<b>5.1.3</b>	<p><b>Pemakluman Program Utama/Penting Kepada Warga KKMM</b></p> <p>Wakil Pekerja KKMM mencadangkan agar KKMM melaksanakan perkongsian maklumat atau pemakluman umum program-program utama/penting kepada warga KKMM melalui LCD TV di Lobi Kompleks KKMM atau</p>	<p>Mesyuarat bersetuju agar cadangan ini dilaksanakan dan menggunakan peruntukan kewangan tahun 2016. BKP menyediakan kemudahan info TV dalam lif KKMM serta mengadakan LCD Crawler di Lobi KKMM bagi tujuan pemakluman tersebut.</p>

	pemasangan papan info di dalam lif.	
<b>5.1.4</b>	<b>Isu Berkaitan Pengawal Keselamatan Cawangan Pengesan Siaran (CPS), BKS</b>	Mesyuarat bersetuju agar BPSM mengambil tindakan susulan berkaitan permohonan ini.
<b>5.1.4.1</b>	<b>Latihan berkaitan Menaik Taraf Skim Pengawal Keselamatan ke Polis Bantuan</b>  Wakil Pekerja KKMM memohon kepada mesyuarat supaya seramai tiga(3) orang Pengawal Keselamatan di Cawangan Pengesan Siaran (CPS), BKS turut dilibatkan dalam latihan yang diperuntukkan di PULAPOL dalam usaha untuk menaik taraf skim Pengawal Keselamatan ke Polis Bantuan kerana CPS turut dikategorikan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan serta demi kebaikan dan kemajuan kerjaya mereka.	
<b>5.1.4</b>	<b>Isu Berkaitan Pengawal Keselamatan Cawangan Pengesan Siaran (CPS), BKS</b>	Mesyuarat bersetuju agar BKP mengambil tindakan susulan berkaitan permohonan ini.
<b>5.1.4.2</b>	<b>Pembekalan Pakaian Seragam</b>  Wakil Pekerja KKMM turut memohon kepada mesyuarat agar seorang Pengawal Keselamatan di CPS dibenarkan untuk membuat tempahan pakaian seragam walaupun tempoh tempahan telah pun tamat. Ini adalah kerana pengawal tersebut didapati tidak menerima sebarang surat tawaran bagi tujuan tempahan pakaian seragam tersebut.	